



Semua PPS ditutup sepenuhnya, terima kasih pihak terlibat - MB Kelantan

DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | JAMADILAKHIR 1447H | 30-04 DIS 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

Kelantan utamakan pembangunan OKU melalui Dasar OKU Muqarrabun

KIAS tawar program PhD, sasar ilmuwan rabbani

Sekolah perlu jadi tempat selamat, tolak gejala buli - YB Mohd Adanan

Kelantan buka lesen mendulang emas kepada rakyat negeri mulai Januari 2026

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 3 Disember – Rakyat Kelantan dibenarkan memohon lesen mendulang emas secara sah bermula Januari 2026, menandakan langkah terancang kerajaan negeri mengurus sumber mineral secara lebih tersusun dan selamat.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr. Mohd Fadzli Hassan berkata keputusan itu dimuktamadkan dalam mesyuarat Exco hari ini setelah Prosedur Standard Operasi (SOP) di bawah Seksyen 28 Enakmen Mineral 2001 dirancang dengan teliti.

“Lesen itu mestilah pertama, dimohon terus melalui Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kelantan atau Pejabat Tanah dan Jajahan setempat. Kedua, sedikit yuran akan dikenakan sebanyak RM100 setahun. Ketiga, lesen dikeluarkan untuk rakyat negeri Kelantan sahaja,” katanya ketika ditemui di Mabna, hari ini.

Beliau menjelaskan aktiviti mendulang hanya dibenarkan antara pukul 8 pagi hingga 6 petang di kawasan yang akan digazetkan seperti di Gua Musang, Kuala Krai, Tanah Merah dan Jeli iaitu lokasi yang dikenal pasti mempunyai potensi emas.

Mengulas aspek keselamatan,



beliau menegaskan beberapa peraturan tambahan ditetapkan, termasuk larangan mendulang pada musim tengkujuh.

“Nanti akan dimasukkan dalam syarat-syarat... contohnya kalau hendak mendulang di sungai akan ada peraturan kerana melibatkan alam sekitar dan sebagainya. Kita bimbang tebing sungai runtuh,” katanya.

Kerajaan negeri turut menetapkan bahawa emas yang diperoleh pendulang berlesen hendaklah dijual kepada pengedar sah yang diiktiraf.

“Peraturan ini kita tetapkan untuk menjaga kebajikan pendulang-pendulang. Setiap seorang diberi satu lesen yang tidak boleh dipindah milik kepada orang lain,”

ujarnya.

Beliau turut menjelaskan bahawa aktiviti mendulang mesti dijalankan secara manual tanpa penggunaan mesin atau peralatan mudah alih kerana kategori penggunaan jentera tertakluk kepada industri perlombongan berskala besar.

Dalam masa sama, pakej pelancongan melibatkan pengalaman mendulang akan disusun di bawah kategori berasingan.

“Pakej pelancongan itu lain. Kita jadikan sebagai pakej pelancongan antaranya pergi mendulang dalam masa setengah jam atau sejam,” katanya.

Kerajaan negeri juga membenarkan pemilik tanah persendirian mendulang di tanah sendiri den-

“

Peraturan ini kita tetapkan untuk menjaga kebajikan pendulang-pendulang. Setiap seorang diberi satu lesen yang tidak boleh dipindah milik kepada orang lain,”

gan syarat mempunyai lesen sah. Pengedar yang diiktiraf pula diwajibkan memohon lesen khas kerana tertakluk kepada pembayaran royalti.

“Pendulang di tanah persendirian dan pengedar yang sah juga mesti memohon lesen. Kita nak pastikan kebajikan rakyat terjaga supaya tidak menjadi mangsa orang tengah. Harga yang dibeli itu mengikut harga semasa,” jelasnya.

Tambahnya, mana-mana rakyat Kelantan boleh memohon menjadi pengedar sah tertakluk kepada syarat tertentu seperti meletakkan deposit kepada PTG sebagai jaminan kebajikan penjual dan pendulang serta memastikan pembayaran royalti kepada kerajaan negeri.



Semua PPS ditutup sepenuhnya, terima kasih pihak terlibat - MB Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 3 Disember - Semua Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Kelantan telah ditutup sepenuhnya pada pukul 4 petang Selasa, berikutan keadaan banjir di negeri ini menunjukkan perkembangan positif.

Menteri Besar YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, penutupan keseluruhan PPS itu merupakan satu kelegaan besar kepada ribuan penduduk yang terjejas di negeri ini selepas beberapa hari berdepan situasi banjir yang memaksa mereka berpindah.

"Alhamdulillah, lafaz syukur kepada Allah SWT kerana semua PPS di Kelantan telah ditutup pada pukul 4 petang tadi," katanya menerusi media sosial, pada Selasa.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua agensi

terlibat yang bertungkus-lumus memastikan operasi pemindahan, keselamatan dan bantuan kepada mangsa banjir berjalan lancar.

"Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ketua-ketua Jajahan, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Bomba dan Penyelamat Malaysia (Bomba), Jabatan Pengairan dan Saliran

(JPS), Jabatan Kerjaraya (JKR), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Khidmat Malaysia, Jabatan Amal Malaysia, para penghulu, Majlis Tindakan DUN (MTD) serta semua agensi dan jabatan yang

terlibat secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang operasi banjir," katanya.

Tambahnya, kerjasama erat antara semua pihak memudahkan urusan menangani bencana tersebut dan memastikan keselamatan rakyat sentiasa menjadi keutamaan.

"Terima kasih buat semua," ujarnya.



Ternakan udang putih PKPNK beroperasi secara komersial



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 2 Disember - Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) terus memperkukuh agenda pembangunan akuakultur negeri apabila projek ternakan udang putih di pesisir pantai Geting, Tumpat kini memasuki fasa operasi komersial.

Exco Pertanian, Industri Agro-

makanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata projek berimpak tinggi itu bermula pada September 2025 dengan kemasukan anak benih pertama sebanyak 300,000 ekor benih udang putih, yang dijangka menghasilkan kira-kira tiga tan hasil.

"Anak benih kali kedua pula dimasukkan pada November 2025 dengan jumlah 400,000 ekor, dan dijangka dituai pada Januari 2026

dengan sasaran empat tan," katanya menerusi di media sosial, pada Isnin.

Terdahulu, Dato' Tuan Mohd Saripudin bersama Ketua Jajahan Tumpat Mohamad Nazwan Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif PKPNK Nik Razak Nik Hassan mengadakan lawatan ke tapak projek di pesisir Pantai Geting Tumpat.

Menurutnya, lawatan ke tapak projek seluas tiga ekar tersebut

menjadi ruang untuk pihak yang berkaitan berbincang mengenai langkah pengembangan projek agar mampu menjadi pemacu ekonomi baharu berasaskan akuakultur di Tumpat dan seterusnya mengangkat industri udang putih sebagai salah satu sumber pendapatan strategik negeri.

"Lawatan tersebut turut menjadi platform perbincangan antara agensi berkaitan dan rakan strategik mengenai langkah pengembangan projek, termasuk aspek teknologi, pemasaran dan sebagainya agar projek berasaskan akuakultur menjadi pemacu ekonomi baharu di Tumpat," jelasnya.

Tambahnya, kejayaan awal projek tersebut membuka potensi besar untuk dikembangkan pada skala lebih luas, sekali gus menyokong aspirasi menjadikan industri udang putih sebagai salah satu sumber pendapatan strategik negeri.

Usaha pengkomersialan berkenaan dilihat mampu memacu pertumbuhan ekonomi baharu di Tumpat dan berupaya meningkatkan daya saing sektor akuakultur Kelantan.

Kelantan utamakan pembangunan OKU melalui Dasar OKU Muqarrabun

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 3 Disember – Kerajaan Negeri Kelantan menekankan pembangunan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) melalui Dasar OKU Muqarrabun sebagai panduan dalam memastikan mereka tidak ketinggalan dalam pembangunan masyarakat.

Perkara itu dikongsi dalam sesi audio siar Sambutan Hari OKU Sedunia 2025 yang berlangsung di Pusat Latihan Wanita, OKU, Armalah (PLOWA), Bazar Buluh Kubu, hari ini.

Pengarah Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan Dato' Dr. Wan Nik Wan Yusoff berkata, falsafah Membangun Bersama Islam (MBI) menjadi asas kepada setiap inisiatif kerajaan negeri dalam mendukung kesejahteraan OKU.

“Dengan falsafah MBI, kerajaan membuka ruang kerjasama antara pihak kerajaan dan komuniti, termasuk OKU.

“Dasar OKU Muqarrabun diperkenalkan supaya masyarakat dan kerajaan dapat memahami



keperluan OKU. Mereka mempunyai keupayaan tersendiri dan perlu diberi peluang untuk menyumbang dalam pelbagai bidang,” katanya.

Tambahnya, semua fasiliti awam harus diakses oleh OKU dan kerajaan negeri sentiasa meneliti setiap segmen rakyat supaya tiada yang tertinggal.

“Nilai keadilan dalam pendekatan Islam perlu dijaga. OKU juga ingin bergembira dan menikmati kehidupan. Kerajaan melalui dasar sedia ada berusaha memenuhi keperluan ini sebaik mungkin,” jelasnya.

Sementara itu, Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan

Keluarga dan Wanita (U-KeKWa) Ilvira Mohd Dasuki, berkongsi sejarah pembangunan OKU di Kelantan.

Menurutnya, sebelum ini bantuan OKU hanya melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dan tiada badan khusus untuk pembangunan OKU di jabatan kerajaan.

“Penubuhan Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Kelantan (MPPOK) menjadi payung pertama di Malaysia yang menyatukan NGO OKU berbeza, termasuk NGO orang bisu, cacat fizikal, dan berkerusi roda.

Walaupun keperluan mereka berbeza, mereka disatukan oleh

harapan dan hati yang sama,” jelasnya.

Ilvira turut menegaskan peranan Majlis Penasihat OKU Negeri (MPON) dan pegawai OKU yang dilantik di bawah U-KeKWa dalam menguruskan kebajikan serta program-program khusus untuk golongan ini.

Tambahnya, audio siar itu berperanan sebagai salah satu antara usaha Kerajaan Kelantan untuk berkongsi dasar, inisiatif, dan cabaran dalam pembangunan OKU, sekali gus menekankan komitmen negeri memastikan semua golongan masyarakat diberikan peluang yang sama.



MAIK raih johan dua tahun berturut-turut Anugerah Inovasi Zakat Terbaik

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 1 Disember – Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) sekali lagi dinobatkan Johan Anugerah Zakat Kebangsaan 2025 kategori Inovasi Zakat Terbaik (Kutipan) melalui Projek Pemerkasaan Kaunter Baitulmal di Masjid.

Kejayaan itu melengkapkan rekod kemenangan dua tahun berturut-turut kerana sebelum ini institusi tersebut sudah pun muncul Johan kategori Agihan pada 2024.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta merangkap Ahli Majlis MAIK YB Ustaz Mohd Asri Mat Daud merakamkan penghargaan dan tahniah atas kejayaan tersebut.

“Tahniah MAIK atas kejayaan mendapat Johan Kategori Inovasi



Zakat Terbaik (Kutipan) melalui Projek Pemerkasaan Kaunter Baitulmal di Masjid sempena Anugerah Zakat Kebangsaan (AZK) 2025,” katanya di laman rasmi pada Sabtu.

Anugerah tersebut disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Yang

Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Haji Mokhtar dalam majlis yang berlangsung di Hotel Zenith Putrajaya pada 26 November 2025.

Pengiktirafan berprestij itu diraih melalui Projek Pemerkasaan Kaunter Baitulmal di Masjid sebagai Pemangkin Inovasi Zakat.

Menurut MAIK, kaunter baitulmal berkenaan diwujudkan sebagai wasilah mesra pelanggan bagi memudahkan pembayar zakat menunaikan kewajipan agama dengan lebih selesa dan cepat.

Selain itu, kaunter itu turut berperanan sebagai pusat khidmat kepada asnaf untuk membuat permohonan bantuan zakat serta mendapatkan bantuan dengan lebih cepat, teratur dan berkesan.

YB Mohd Asri turut merakamkan penghargaan kepada seluruh warga MAIK atas komitmen dan usaha berterusan.

“Tahniah dan Jazakumullah Khairal Jaza' saya rakamkan kepada seluruh Pengurusan MAIK atas komitmen dan usaha berterusan memperkukuh keseluruhan ekosistem zakat secara menyeluruh dan bersepadu,” katanya di media rasmi, hari ini.

KIAS tawar program PhD, sasar ilmuwan rabbani

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 30 November – Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) kini membuka permohonan bagi program Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Pengajian Islam pertamanya, susulan kelulusan rasmi daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Program berkenaan memberi peluang kepada para sarjana, pendidik, penyelidik dan pengamal industri untuk meningkatkan kecermerlangan akademik ke peringkat tertinggi.

Rektor KIAS Profesor Dr. Mazlan Ibrahim, berkata penawaran program PhD itu merupakan langkah strategik bagi memperkukuh kedudukan KIAS sebagai pusat ilmu berteraskan tradisi keilmuan Islam.



“Kelulusan ini membuka ruang bagi pembangunan penyelidikan berkualiti tinggi serta membuktikan komitmen kami melahirkan ilmuwan Rabbani yang mampu menghadapi cabaran semasa ummah,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Menurutnya, program berkenaan telah membuka permohonan kemasukan Disember menawarkan mod penyelidikan, dengan tempoh

minimum enam semester bagi pengajian sepenuh masa.

Bagi mod separuh masa, tempoh minimum ditetapkan selama dua belas semester, selaras dengan standard kelayakan nasional.

Tambahnya, ketika ini, KIAS mempunyai 28 pensyarah berkekeluargaan PhD, termasuk 17 dalam bidang Pengajian Islam, sekali gus membuktikan kemampuan akademik institusi itu dalam membimbing

ing calon PhD melalui penyelidikan berimpak tinggi.

“Sebagai satu-satunya institusi pengajian tinggi (IPT) milik Kerajaan Negeri Kelantan, KIAS terus memacu pembangunan modal insan Rabbani yang cemerlang, berdaya saing dan mampu memberi sumbangan bermakna kepada pembangunan ummah di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa,” jelasnya.

Kelantan tinjau kaedah pengurusan hutan mampan di Jabatan Hutan Sarawak



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 1 Disember - Kerajaan Negeri Kelantan yang diketuai Timbalan Menteri Besar YB Dato’ Dr. Mohamed Fadli Hassan mengadakan lawatan penanda aras ke Jabatan Hutan Sarawak (JHS) bagi meninjau pendekatan negeri itu dalam pengurusan hutan mampan dan pelaksanaan perdagangan karbon.

Sehubungan itu, Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato’ Wan Roslan Wan Hamat berkata lawatan tersebut memberi peluang kepada kerajaan negeri

untuk melihat secara lebih dekat model pengurusan hutan Sarawak yang kini menjadi rujukan dalam pelaksanaan ekonomi hijau.

“Banyak pengalaman dan amalan baik yang boleh dijadikan rujukan untuk memperkukuh dasar serta gerak kerja Kelantan dalam agenda ekonomi hijau.

“Terima kasih kepada pihak Jabatan Hutan Sarawak atas sambutan yang baik dan perkongsian yang bermanfaat. In sya-Allah, input yang diterima akan membantu Kelantan bergerak lebih teratur dalam pelaksanaan dasar perdagangan karbon negeri,” katanya men-

erusi media sosial pada Sabtu.

Sementara itu, Jabatan Hutan Sarawak (JHS) pula dalam satu hantaran di media sosialnya pada Ahad menyatakan bahawa lawatan delegasi Kelantan itu bertujuan untuk menimba pengalaman dan mendapatkan kefahaman mendalam mengenai strategi serta pelaksanaan inisiatif perdagangan karbon melalui pengurusan hutan secara mampan.

“Lawatan tersebut juga membolehkan delegasi melihat secara langsung amalan terbaik Pembalakan Berimpak Rendah (RIL) serta

keberkesannya terhadap kelestarian ekosistem hutan serta dapat mewujudkan jaringan kerjasama profesional antara Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK) dan JHS dalam penyelidikan, pembangunan kapasiti serta pengurusan sumber hutan,” kata JHS.

Lawatan penanda aras ini turut memperkukuh hubungan profesional antara Sarawak dan Kelantan, selain membuka ruang kerjasama lebih strategik ke arah pengurusan hutan yang mampan, berintegriti serta seiring dengan agenda perubahan iklim negara.



Dokudrama Koleh Kacang: Rasa, warisan dan naratif digital dari dapur Kelantan

Oleh: Norzana Razaly

Kelantan yang terkenal dengan limpahan cita rasa tradisi, wujud satu perjalanan baharu dalam dunia pelancongan gastronomi yakni perjalanan yang menghubungkan rasa, identiti dan teknologi. Ketika Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merekodkan kadar inflasi negeri itu hanya 0.1 peratus bagi Oktober 2025, menjadikannya negeri dengan kos makanan paling rendah di Malaysia, keistimewaan dapur Kelantan menjadi tumpuan. Dalam kesederhanaan harga dan keaslian rasa, terselit kekayaan budaya yang tidak ternilai.

Di tengah-tengah kemeriahan ini, muncul drama dokumentari (dokudrama) ke-18 terbitan Kerajaan Negeri Kelantan berjudul Koleh Kacang: Orang Tenang Selalu Menang. Ia merupakan sebuah karya kulineri tetapi turut membongkar akar asal usul penciptaannya yang dikatakan berkait dengan kisah Tok Pulau Chondong.

Menurut Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Mohd Nor, penerbitan dokudrama Koleh Kacang melalui pautan adalah kesinambungan daripada usaha yang dirintis sejak tahun 2022 oleh exco berkenaan terdahulu.

Dokudrama Koleh Kacang boleh ditonton di <https://youtu.be/SH8nISb0MAE?si=uRsIdQfxX-UYEjXCp> “Seperti kisah rakyat yang diwarisi turun-temurun, dokudrama ini menyimpan makna mendalam tentang kehidupan, kerja tangan, dan rasa syukur masyarakat Melayu Kelantan. Memandangkan projek ini sangat unik sebab ia memaparkan sisi penceritaan yang



belum pernah kita dengar, jadi kita fikir ia wajar diteruskan.

“Sebelum ini, kita sudah pun terbitkan 10 episod yang mengupas kisah di sebalik juadah langka dan popular seperti Kerutuk Serati, Nasi Dagang Gulai Ikan, Nekbat, Cek Mek, Tapai, Sang Gupal, Kerabu Sare, Pulut Seri Kaya, Butir Nangka dan Ketupat sotong versi 1.

“Kemudian, siri kedua kita terbitkan pula enam episod - Lompat Tikam, Puteri Mandi, Jeruk Maman. Kita pertingkatkan lagi penyebarannya dengan pembikinan Akok, Pindang tapai dan Ketupat Sotong versi 2 dalam tiga bahasa iaitu Melayu, Inggeris dan Arab untuk siaran khas di lima lapangan terbang di Malaysia.

“Episod ke-17 ialah Nasi Kerabu versi empat warna pun sudah disiarkan pada 10 September lalu. Penerbitan ini ialah usaha kerajaan negeri khusus untuk mengangkat makanan tradisional ke tahap warisan kebangsaan, selaras dengan pengiktirafan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOT-AC), jelasnya ketika dihubungi, hari ini.

Mengulas lanjut, beliau memaklumkan keistimewaan dokudrama Koleh Kacang ialah pendekatan kreatifnya yang bukan dokumentari biasa. Sebaliknya, ia sebuah pementasan rasa yang menggabungkan semiotik makanan dalam naratif yang dihidupkan oleh anak negeri sendiri.

“Dari penulis skrip hingga juru video yang berkepakaran tinggi, dari penyampai naratif profesional hingga pelakon amatir tempatan, setiap individu menyumbang untuk menjadikan dokudrama ini satu bentuk sinergi budaya yang autentik,” ujarnya.

Lebih menarik, Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) selaku media rasmi yang menerbitkannya telah melangkah setapak ke hadapan dengan mengubah naratif lisan menjadi warisan digital. Usaha ini wajar diberi kredit tertinggi kerana inovasi ini adalah yang pertama seumpamanya di Malaysia.

Jika pun ada pihak berwajib yang mendigitalkan teks tradisional melalui portal digital mereka, masih tidak serupa dengan inovasi Kelan-

“

Dari penulis skrip hingga juru video yang berkepakaran tinggi, dari penyampai naratif profesional hingga pelakon amatir tempatan, setiap individu menyumbang untuk menjadikan dokudrama ini satu bentuk sinergi budaya yang autentik,”

tan yang menukar hikayat dapur yang sarat kisah rakyat menjadi pengalaman visual dan emosional. Pendekatan inilah yang memperluas pemahaman masyarakat tentang warisan sebagai bukan hanya sesuatu yang dibaca, sebaliknya yang dapat dirasakan, didengar, dan ditonton.

Lebih daripada promosi pelancongan, Koleh Kacang ialah satu manifestasi bahawa identiti negeri ini masih kukuh berakar, walau berpindah ke dunia digital. Juadah ini juga menzahirkan semangat “Set Kito Jange Pecoh” - citra semangat kebersamaan yang menghubungkan pemimpin, penggiat seni, dan masyarakat akar umbi dalam satu rasa cinta terhadap tanah air.

Apabila penonton menyaksikan dokudrama ini, mereka tidak hanya melihat kuih yang manis dan berlemak, mereka juga mengimbau sejarah, nilai, dan jati diri sebuah negeri. Inilah kekuatan gastronomi Kelantan. Rasa yang membentuk memori dan warisan yang kini dihidupkan semula dalam bentuk yang moden namun tetap segar keasliannya.



Sekolah perlu jadi tempat selamat, tolak gejala buli - YB Mohd Adanan

Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 1 Disember – Ahli Dewan Negeri (ADN) Kelaboran YB Mohd Adanan Hassan menegaskan bahawa sekolah perlu menjadi tempat selamat bagi semua pelajar dan menyeru para pelajar menolak gejala buli.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Ceramah Kesedaran Undang-Undang, Masalah Sosial, Buli dan Permasalahan Remaja Sekolah di SMU (A) Mehelih, Geting, Tumpat, semalam.

“Kalau siapa yang buli orang, kita buang dia dari sekolah ini” tegasnya kepada para pelajar di sekolah tersebut.

Beliau turut menyeru para pelajar supaya bijak memilih sahabat dan menjauhi pengaruh negatif.

“Kita mahu pelajar SMU bijak memilih sahabat. Kes buli hari ini bukan hanya melibatkan ejekan, tetapi turut merangkumi perbuatan sepak, tendang, cubit, kecederaan serius bahkan membawa maut,” katanya di laman sosial, semalam.



Tambahnya, menurut data Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), kes buli meningkat daripada 6,268 kes pada 2024 kepada 7,681 kes pada 2025, iaitu peningkatan sebanyak 22.5 peratus.

Situasi itu menunjukkan sistem pendidikan perlu memberi perhatian serius supaya pelajar tidak merasa takut berada di asrama atau persekitaran sekolah.

Beliau menegaskan prinsip asas yang perlu dipegang oleh para pelajar

“Jika kita tidak mahu orang melakukan sesuatu yang buruk kepada

kita, jangan lakukan perkara itu kepada orang lain. Jangan sekali-kali kita menjadi penyokong atau membantu perbuatan buli.” tegasnya.

YB Mohd Adanan juga berpesan kepada pelajar di sekolah itu dengan menyentuh punca-punca berlakunya kes buli di sekolah.

“Antara punca berlakunya kes buli ialah pengaruh sekeliling seperti video pergaduhan, kandungan ganas, pengaruh rakan sebaya dan perasaan marah yang dilampiaskan pada harta benda sekolah” jelasnya.

Beliau juga menyeru guru-guru

di sekolah berkenaan memainkan peranan sebaiknya.

“Guru-guru juga memikul amanah besar di sisi Allah SWT. Tanggungjawab mendidik bukan sekadar akademik, tetapi membentuk akhlak. Islam mengajar kita menjaga lidah daripada berkata buruk, dan melarang menggunakan anggota badan untuk menyakiti orang lain.

“Semoga usaha kesedaran seperti ini mampu melahirkan pelajar berakhlak, berani menolak budaya buli, dan mampu memimpin masyarakat dengan ilmu serta adab,” ujarnya.



69 pesakit cilik HPUSM terima sumbangan kasut sempena Hari Kanak-Kanak Sedunia



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 1 Disember — Sebanyak 69 pesakit cilik di Wad Kanak-Kanak Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM) menerima sumbangan kasut baharu bersempena sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia menerusi Program Agihan Kasut Kanak-Kanak anjuran Yayasan Muhibbah.

Program tersebut dilaksanakan dengan kerjasama Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (UKKWa), Pertubuhan Sukarelawan Rakyat Kelantan (MESRA) serta Hospital Pakar

USM sebagai rakan penganjur.

Majlis penyerahan disempurnakan oleh Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim bersama Pengarah Hospital Pakar USM Profesor Dato' Dr. Ab. Rahman Izaini Ghani serta Pengasas merangkap Pengarah Yayasan Muhibbah Dr. Lo Nyok Mooi.

Sehubungan itu, Dato' Rohani Ibrahim memaklumkan bahawa program tersebut bertujuan membawa keceriaan, senyuman dan semangat baharu kepada anak-anak yang sedang dirawat.



“Ia bersesuaian dengan falsafah Hari Kanak-Kanak Sedunia yang memperjuangkan hak, keselamatan dan kesejahteraan anak-anak di seluruh dunia.

“Selain pesakit, beberapa kakitangan hospital turut menerima sumbangan kasut sebagai tanda penghargaan atas dedikasi mereka dalam menjaga kesejahteraan kanak-kanak di hospital tersebut,” katanya di media sosial, hari ini.

Hospital Pakar USM turut memberikan sokongan penuh dengan menguruskan penyelarasan program, pergerakan sukarelawan

serta penglibatan kakitangan hospital sepanjang sesi agihan berlangsung.

Program itu bukan sahaja menceriakan penerima, malah mengukuhkan hubungan kerjasama antara agensi kerajaan, badan sukarela dan institusi perubatan dalam usaha meningkatkan kesejahteraan komuniti, khususnya kanak-kanak yang memerlukan.

Dalam perkembangan lain, Dato' Rohani bersama Ahli Parlimen Rantau Panjang YB Dato' Zailah Yusof dan Dr Lo Nyok Mooi turun ke Rantau Panjang bagi memantau keadaan banjir yang masih belum pulih sepenuhnya.

Agihan bantuan turut disampaikan kepada mangsa yang masih terjejas, terutamanya rumah-rumah yang masih ditenggelami air.

“Semoga Allah mempermudah segala urusan mereka yang terjejas banjir dan dilindungi dari bencana. Insya Allah, usaha kecil kita hari ini jadi asbab besar besok hari,” ujar Dato' Rohani lagi.

OKU sebahagian daripada masyarakat, **sentiasa berusaha sesuaikan diri** – Khairul Amilin

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 4 Disember - “OKU juga adalah sebahagian daripada masyarakat. Kami ada keluarga, ada perasaan, ada tanggungjawab, cuma kami ada kekurangan,” demikian luahan Pengerusi Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Khairul Amilin Hassan, ketika berkongsi kisah inspirasi dalam Podcast Sambutan Hari OKU Sedunia 2025 di Pusat Latihan Wanita, OKU dan Armalah (PLOWA), Bazar Buluh Kubu, semalam.

Menurutnya, golongan OKU sentiasa berusaha menyesuaikan diri dalam arus kehidupan bermasyarakat, namun masih berdepan pelbagai stigma, terutama dalam akses pendidikan serta peluang membina masa depan.

“OKU teringin nak belajar seperti orang biasa tetapi terpaksa ke sekolah berasingan. Kadang-kadang masyarakat kata OKU tidak perlu belajar tinggi. Kami hanya mahu peluang pendidikan, pekerjaan dan akses kemudahan seperti orang lain,” katanya.

Khairul turut menyarankan agar kerajaan memberi perhatian berterusan terhadap pembaikan akses pendidikan, penyediaan peluang pekerjaan dan pembangunan



kemudahan awam yang lebih mesra OKU, sebagai langkah penting memastikan golongan tersebut dapat menikmati kehidupan yang setara dan bermaruah.

Program anjuran Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (UKeKWa) dengan kerjasama Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Kelantan (MP-POK) dan Pusat Kajian Strategik (PKS) itu turut membuka ruang kepada komuniti OKU menyuarakan aspirasi, memahami polisi semasa dan menilai hala tuju mewujudkan masyarakat inklusif.

Timbalan Setiausaha Persatuan Orang Pekak Kelantan (POPK) Muhammad Firdaus Zulkifli turut berkongsi liku hidup sebagai orang pekak yang mula dirasai sejak di bangku sekolah apabila komunikasi pengajaran tidak sepenuhnya

menggunakan bahasa isyarat.

Beliau turut berkongsi pengalaman diskriminasi ketika mencari pekerjaan.

“Saya pernah pergi ke kilang untuk mohon kerja, tetapi ditolak kerana saya tidak boleh bercakap,” katanya.

Firdaus menzahirkan harapan agar masyarakat lebih terbuka mendekati golongan pekak dan mengusahakan komunikasi asas.

“Harapan saya masyarakat jangan tinggalkan orang pekak jika tidak tahu berkomunikasi dengan kami. Cukup guna bahasa isyarat mudah atau tulis di kertas,” ujarnya.

Dalam pada itu, seorang lagi peserta Mohd Helmi Deris berharap lebih banyak kemudahan awam dibangunkan dengan ciri mesra OKU bagi memudahkan urusan

harian mereka.

“Saya berharap supaya kemudahan awam lebih mesra OKU,” katanya.

Perbincangan panel turut menyentuh hak OKU, pelaksanaan polisi semasa serta keperluan mendesak untuk memperkukuh sistem sokongan bagi memastikan keadilan sosial dapat dinikmati secara menyeluruh.

Program yang dihadiri 23 peserta OKU itu turut menampilkan sesi penutup yang menggabungkan mesej komuniti serta cadangan penambahbaikan masa hadapan.

Sebagai simbolik sambutan, acara disempurnakan dengan sesi memotong kek Hari OKU Sedunia bersama Timbalan Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Nor Asilah Mohamed Zain.

Penternak DUN Kemuning **terima lembu baka berkualiti**



Oleh: Syamimi Manah

MACHANG, 4 Disember - Sebanyak enam penternak di DUN Kemuning menerima agihan lembu baka bagi tahun 2025 melalui inisiatif Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi menerusi Jabatan Veterinar pada 19 November lalu.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemuning YB Ahmad Zakhran Mat Noor berkata, lembu-lembu yang diterima merupakan baka terpilih bagi membantu meningkatkan kualiti ternakan para penternak.

“Alhamdulillah, lembu-lembu yang dimohon oleh penternak-penternak lembu dalam DUN Kemuning

bagi tahun 2025 telah tiba dan diagihkan,” katanya di laman rasmi, semalam.

Menurutnya, Lembu-lembu jenis Charolais, Limousin dan Brahman itu dihantar ke Mukim Pangkal Changgong, Sungai Hala, Bakat, Belukar, Baka dan Banggol Judah.

“Terima kasih kepada Jabatan Veterinar yang membekalkan lembu-lembu ini. Semoga ianya dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh kesemua penerima insya-Allah” ujarnya.

Sementara itu, Setiausaha Majlis Tindakan DUN Kemuning Muhammad Al Karim Salleh berkata, agihan itu diberikan kepada enam penternak, dengan pemilihan dilakukan setiap tahun mengikut giliran mukim bagi memastikan pengagihan manfaat lebih tersusun dan adil kepada komuniti penternak di kawasan tersebut.

“Inisiatif ini dapat membantu penternak meningkatkan hasil ternakan serta menyokong perkembangan industri ternakan di Kemuning,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

20 belia Kelantan tamat kursus gunting rambut, terima kit peralatan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 2 Disember - Sebanyak 20 belia Kelantan berjaya menamatkan Kursus Gunting Rambut Lelaki anjuran Urus setia Belia dan Sukan (U-BeS) yang berlangsung selama lima hari bermula 17 hingga 21 Ogos 2025 yang lalu di Pusat Belia Kelantan, Medan Usahawan, Kota Bharu.

Para peserta menerima sijil penyertaan masing-masing sebagai pengiktirafan atas komitmen dan kesungguhan sepanjang latihan.

Lebih bermakna, setiap peserta turut diberikan set kit peralatan gunting rambut lengkap sebagai sokongan awal untuk memulakan kerjaya atau meningkatkan kemahiran dalam bidang gunting rambut.

Majlis penyampaian sijil dan



kit peralatan tersebut disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad, di Bilik Mesyuarat Exco, Kompleks Kota Darulnaim pada Isnin.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Pengarah U-BeS, Mohammad Kamal Mohamed.

Sementara itu, U-BeS menyata-

kan bahawa kursus tersebut memberi pendedahan teknik gunting rambut asas dan profesional, untuk membantu memperkukuhkan lagi peluang ekonomi golongan belia melalui kemahiran yang boleh menjana pendapatan.

“Semoga ilmu yang diperoleh dapat meningkatkan kemahiran peserta, membuka peluang kerjaya baharu serta menyumbang kepa-



da industri dandanan rambut tempatan. Tahniah diucapkan kepada semua peserta,” katanya menerusi media sosial, pada Isnin

Program itu juga merupakan sebahagian daripada inisiatif Kerajaan Negeri Kelantan dalam memperkasakan belia melalui latihan kemahiran yang relevan dan bernilai tinggi dalam pasaran kerja.

Terima kasih Kerajaan Kelantan, bantuan ini boleh tolong kami – Tam Kwee Chem

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 2 Disember – Tam Kwee Chem, 66, mengucapkan rasa syukur selepas menerima bantuan RM1,000 Skim Takaful Kifaalah pada program Skim Bantuan Armalah Kota Lama yang berlangsung di Pusat Komuniti DHPP, semalam.

Kwee Chem mengakui sumbangan tersebut dapat meringankan beban perbelanjaannya, terutamanya selepas pemergian abang kandungnya yang menghidap darah tinggi.

“Terima kasih Kerajaan Kelantan atas sumbangan RM1,000. Duit ini dapat tolong saya buat belanja lepas habis banyak kos urus kematian abang,” katanya.

Program tersebut menyasarkan 200 armalah, tiga pesakit kronik dan dua penerima Skim Kifaalah daripada masyarakat Cina, Siam dan India, sebagai usaha kerajaan negeri membantu semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum.

Beberapa penerima lain turut melahirkan rasa syukur mereka. Koh Siew Lan, 76, yang maklumatnya disampaikan melalui anaknya,



berkata,

“Saya rasa gembira, kerajaan ini boleh bantu orang susah. Bersyukur juga sebab ada penghulu yang baik, apa-apa masalah boleh bagitahu penghulu,” katanya.

Manakala Rajaisbery A/P

Elangsegaran, 66, yang menerima bantuan ibu tunggal pula berkata,

“Terima kasih kerajaan Kelantan. Saya berpuas hati dengan bantuan ini.”

Disambut oleh Foo Lee Ping, 50, yang juga penerima bantuan



ibu tunggal, mengucapkan terima kasih kepada penghulu antara kaum DUN Kota Lama.

“Terima kasih kepada penghulu yang tolong berikan maklumat saya untuk terima bantuan ini,” ujarnya.



Kelantan tinjau kaedah pengurusan hutan mapan di Jabatan Hutan Sarawak

200 masyarakat pelbagai kaum terima skim bantuan kerajaan



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 2 Disember – Sebanyak 200 masyarakat pelbagai kaum menerima bantuan di Program Skim Bantuan Armalah Kota Lama, semalam.

Program yang berlangsung di Pusat Komuniti DHPP itu melibatkan penerima daripada komuniti Cina, Siam dan India, merangkumi 200 armalah, tiga pesakit kronik dan dua penerima Skim Kifalah.

Pengarah Pusat Khidmat DUN Kota Lama Dato' Sr. Zamri Ismail berkata, bantuan berkenaan menyasarkan keperluan asas di samping menjadi saluran kerajaan untuk mendengar dan menyelesaikan masalah masyarakat setempat.

“Hari ini kita beri bantuan kepada armalah, pesakit kronik dan kifalah. Jika ada cadangan yang kerajaan boleh buat, boleh beritahu terus. Kita nak bantu supaya masalah dapat diselesaikan,” katanya,

semalam.

Beliau turut mengajak masyarakat di DUN Kota Lama terus memupuk hubungan baik merentasi kaum.

“Kehidupan di Kelantan ini perlu saling bertanya khabar, hidup bersatu padu. Kalau ada apa-apa masalah, kita ada Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pusat Khidmat DUN Kota Lama dan Pusat Komuniti DHPP

untuk membantu,” ujarnya.

Sementara itu, Penyelia DUN Kota Lama Ir. Norsyakiman Muhamad, berkata skim berkenaan amat penting terutama ketika rakyat berhadapan cabaran ekonomi.

“Kerajaan cuba sedaya upaya membantu semua kaum di Kelantan untuk memberi sedikit kelegaan bagi meneruskan kehidupan,” ujarnya.

Beliau turut memaklumkan bahawa penghulu antara kaum yang dilantik berperanan sebagai penghubung bagi memastikan sebarang masalah rakyat dapat dikesan lebih awal.

“Penghulu inilah mata dan telinga kerajaan apabila ada rakyat sakit, ditimpa musibah atau perlukan bantuan,” jelasnya.

Turut hadir, Pegawai Khas Menteri Besar Kelantan yang juga Pengerusi Pusat Integrasi Antara Kaum(PEKA) Lim Guang Seng.

Jalan Lojing–Gua Musang ditutup sepenuhnya akibat tanah runtuh



Oleh: Syamimi Manah

GUA MUSANG, 3 Disember – Laluan FT185 Jalan Lojing–Gua Musang di Seksyen 107.60, Pos Blau ditutup sepenuhnya kepada semua kenderaan bermula hari ini sehingga suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian ekoran berlaku kejadian tanah runtuh.

Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar Kelantan YB Dato' Dr Izani Husin mengesahkan tindakan awal Jabatan Kerja Raya (JKR) telah digerakkan bagi memastikan kese-

lamatan pengguna.

Beliau berkata Pejabat JKR Gua Musang telah memaklumkan kejadian itu kepada JKR Malaysia dan penutupan laluan dilakukan serta-merta bagi mengelakkan risiko lanjut kepada orang ramai.

“JKR sedang menjalankan pemantauan rapi di lokasi runtuhan dan proses permohonan peruntukan untuk kerja pembaikan sedang diuruskan,” katanya di laman rasmi, hari ini.

Penutupan kedua-dua arah itu dijangka berterusan sehingga kawasan berkenaan benar-benar selamat untuk dilalui.

Sehubungan itu, Dato' Dr. Izani menasihatkan pengguna jalan raya menggunakan laluan alternatif iaitu Gua Musang–Sungai Koyan–Ringlet–Cameron Highlands atau Gua Musang–Sungai Koyan–Ringlet–Tengah–Ipoh sehingga kerja pemuliharaan selesai.

50 penternak di Kemahang terima sumbangan dedak

Oleh: Syamimi Manah

TANAH MERAH, 1 Disember – Sebanyak 50 penternak di Kemahang menerima suntikan sokongan melalui sumbangan dedak bagi mengurus operasi ternakan dengan lebih baik di kawasan itu.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemahang YB Mejar Dato' Md Anizam Ab Rahman berkata, pemberian tersebut merupakan antara program bantuan yang dilaksanakan hampir setiap tahun bagi menyokong pengusaha ternakan tempatan.

Menurutnya yang juga Exco Kerajaan Negeri Kelantan, agihan sumbangan itu dibuat secara berperingkat kepada kumpulan penternak yang berbeza setiap tahun supaya manfaat dapat dirasakan secara lebih menyeluruh.

“Kita berusaha menambah baik kesejahteraan penternak melalui pelbagai inisiatif.

“Bantuan dedak merupakan sa-



lah satu bentuk sokongan langsung yang dapat meringankan kos operasi harian mereka,” katanya di laman rasmi, hari ini.

Beliau berharap suntikan sokongan itu bukan sahaja membantu meningkatkan hasil ternakan, malah memberi motivasi kepada penternak untuk terus mengembangkan usaha mereka pada masa hadapan.